

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]****SOALAN : 319**

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan di atas tindakan menarik 47 orang kumpulan Certified Integrity Officers (CEIOs) yang boleh menggugat momentum pendedahan salah laku penjawat awam yang dilihat berjaya..

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perubahan waran perjawatan Unit Integriti Kementerian yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 hanya melibatkan jawatan Ketua Unit Integriti yang diketuai oleh pegawai daripada skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), manakala, waran perjawatan yang melibatkan kader Pegawai Penyiasat SPRM masih kekal sedia ada di Kementerian / Agensi. Ketua Unit Integriti ini akan bertindak sebagai **ejen transformasi**

Kementerian dan Agensi bagi memacu pembaharuan menuju perkhidmatan awam yang lebih berdaya saing dan mengamalkan tadbir urus yang lebih baik dengan diterajui oleh Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN).

Penempatan pegawai SPRM di Kementerian/ Agensi **tidak akan** menjejaskan struktur pelaporannya kerana ia bertanggungjawab melapor terus kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM berhubung aduan dan kes salah laku rasuah atau kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Urusan penempatan bagi kader Pegawai Penyiasat SPRM ke Unit Integriti di Kementerian/ Agensi adalah di bawah kawalan Ketua Perkhidmatan iaitu Ketua Pesuruhjaya SPRM. Sehubungan itu, perubahan penempatan seramai 47 orang pegawai CIO ini tidak seharusnya menghalang SPRM daripada melaksanakan penguatkuasaan yang lebih agresif. Ini kerana segala aduan berkaitan rasuah dan kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 masih perlu disalurkan terus oleh Unit Integriti kepada pihak SPRM sebagai agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan.

Sekian, terima kasih.